

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JULY 2017

Dr M pemimpin pembangkang Melayu 'boneka' DAP

BH
- 20/7/2017
Pg. 8.

➔ DAP miliki jumlah kerusi majoriti berbanding PPBM hanya ada satu

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad didakwa 'boneka' dalam struktur kepemimpinan pembangkang kerana Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang adalah ketua sebenar.

Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad, berkata begitu juga pemimpin pembangkang Melayu yang dinobatkan dalam struktur ba-

haru pakatan pembangkang itu.

Beliau berkata, parti Dr Mahathir hanya mempunyai satu kerusi Parlimen berbanding DAP yang mempunyai jumlah kerusi majoriti pembangkang sebanyak 38 kerusi.

"Maka secara realiti, Kit Siang adalah ketua sebenar dan Dr Mahathir hanyalah sekadar boneka.

Sembunyi kuasa DAP

"Sebagaimana senarai pemimpin pembangkang yang diumumkan terdiri daripada orang Melayu, ia sebenarnya menyembunyikan kuasa dan kawalan sebenar DAP," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada 13 Julai lalu, pakatan pembangkang mengumumkan struktur kepemimpinan baharu yang diterajui Dr Mahathir selaku pengerusi; Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-ketua umum); Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR- presiden).

Pakatan itu turut menama-

kan Tan Sri Muhyiddin Yassin (PPBM), Lim Guan Eng (DAP) dan Mohamad Sabu (Parti Amanah Negara) sebagai timbalan presiden.

Tengku Sariffuddin berkata dakwaan Dr Mahathir yang juga pengerusi pembangkang sebagai 'top dog' pembangkang dan setaraf Perdana Menteri adalah satu ilusi, tidak realistik dan sengaja mahu menipu rakyat.

Katanya, hakikatnya ketua sebenar pembangkang adalah Kit Siang, seorang yang tidak kelihatan dalam carta kepimpinan mereka.

Mengenai cabaran Dr Mahathir kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam Debat Nothing To Hide 2.0 anjuran sayap pemuda PPBM, katanya Dr Mahathir juga tidak pernah berbuat demikian ketika era pemerintahannya.

"Selama 22 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau juga tidak pernah mengadakan debat 'town hall' bersama musuh politiknya," katanya.



Sebagaimana senarai pemimpin pembangkang yang diumumkan terdiri daripada orang Melayu, ia sebenarnya menyembunyikan kuasa dan kawalan sebenar DAP"

**Tengku Sariffuddin
Tengku Ahmad,**
Setiausaha Akhbar
Perdana Menteri